

## LAMPIRAN G.3

**DASAR PEMBANGUNAN DI KAWASAN PENGAIRAN**  
**PERMATANG DAMAR LAUT**  
**(Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri**  
**Bil.2/92 Pada 10.03.1992)**

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk mendapat persetujuan Jawatankuasa terhadap dua perkara:

- i) Mbenarkan permohonan pembangunan diteruskan di atas lot-lot yang telah diluluskan permohonan pengeluaran daripada Ordinan Talair Kawasan Pangairan Permatang Damar Laut oleh Pihak Berkuasa Negeri dan
- ii) Menerima garispanduan pembangunan kawasan ini seperti yang disyorkan dalam kajian kawasan Pengairan Pematang Damar Laut

Mesyuarat diberi maklum bahawa kajian terhadap kawasan ini telah dijalankan pada tahun 1988, dan pada tahun 1989, Jawatankuasa Penyelaras dan Pembangunan Negeri telah menerima syor-syor kajian sebagai garispanduan pembangunan kawasan tersebut. Walau bagaimanapun pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang di dalam melaksanakan garispanduan itu menemui beberapa kekeliruan kerana di dalam meluluskan permohonan mengeluarkan lot-lot daripada Warta Ordinan Talair, Pihak Berkuasa Negeri telah juga mengenakan beberapa syarat'.

Setelah membincangkan isu dan masalah yang timbul, jawatankuasa membuat keputusan untuk:-

- i) Mbenarkan pemohon-pemohon yang mana kelulusan telah diberi untuk pelupusan dari warta, diteruskan sepertimana yang telah dipohon.
- ii) Menerima garispanduan pembangunan yang disyorkan dalam kajian tersebut untuk pemohon-pemohon baru, mulai 1 April 1992.

Garis panduan pembangunan adalah:-

- a) Kawasan dikekalkan sebagai kawasan pangairan
- b) Pembangunan yang dibenarkan adalah berbentuk:
  - i. Perumahan
  - ii. Pertanian
  - iii. Industri ringan & kecil
  - iv. Rekreasi & kawasan lapang

- c) Pembangunan perumahan hendaklah mengikuti syarat-syarat tersebut di bawah ini. Syarat-syarat ini adalah selaras dengan kehendak Jabatan Penerangan Awam dan juga strategi sektor perumahan di bawah Draf Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Pulau Pinang (Rujuk Lampiran C)

Syarat-syarat adalah:-

- i. Pembangunan perumahan hendaklah berkepadatan rendah (10 unit seekar) dan had tingkat adalah dua (2).
- ii. Rumah jenis pribumi atau “indigenous housing” adalah digalakkan.

#### TINDAKAN: MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

#### KEPUTUSAN MAJLIS PADA TARIKH 21.02.1994

- I) Pembangunan Di Kawasan Pengairan Pematang Damar Laut diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri digunakan mulai 01.04.1992
- II) Sehingga apa-apa pindaan terhadap dasar tersebut diputuskan, dasar berkenaan hendaklah dikenakan.